

Brief exposition of religious experience in semitic religion

Ahmad Nabil Amir

International Institute of Islamic Thought and Civilization, Malaysia

Email: nabiller2002@gmail.com

Tasnim Abdul Rahman

Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia

Email:

Abstrak

Artikel ini membincangkan pengalaman agama yang berkembang dalam tradisi dan kepercayaan samawi. Hal ini disorot dari segi sejarah pertembungannya yang klasik dalam kepercayaan Semitik yang menjelmakan pemikiran tentang manhaj dan tradisi asalnya yang intens yang membentuk ajaran-ajaran keagamaan, falsafah dan prinsip metafiziknya. Ia melihat perkembangannya yang mendasar yang berakar dari warisan Ibrahim dan signifikasinya dalam mengilhamkan dialog peradaban dan konvrensia global yang inklusif dan pluralistik. Idea-idea ini digarap dari pemikiran dan karya-karya klasik dalam korpus perbandingan atau *religionswissenschaft* yang mempelopori faham yang ideal tentang pengalaman keagamaannya. Kajian ini bercorak kualitatif dari jenis penelitian pustaka. Bahan dan data diperoleh dari sumber primer dan sekunder dan dianalisis secara penggambaran, analitis dan perbandingan. Kajian menyimpulkan bahawa esensi dan pengalaman agama ini berkembang dalam tradisi Ibrahim yang berkisar tentang prinsip dan pengalaman-pengalaman metafizik yang transendental. Tema-tema asas ini membentuk nilai dan prinsip yang cuba dikembangkan dalam kajian-kajian klasik yang meluas yang turut mempengaruhi perkembangan semasanya yang instrumental dalam mengikat persefahaman dan memperluas kaki langit tentang pandangan agama yang berbeza dan universal khasnya di Nusantara.

The paper discusses the intrinsic religious experience of various faiths in the Abrahamic tradition. It first discusses its underlying approach as enshrined in classical religious thought regarding its meta-religious principle, methodology and traditional framework. In analyzing the history and tradition of the Abrahamic faith, it tries to encapsulate this within the framework of comparative religion, signifying its historical development and importance in inspiring a *convivencia* in a global context. This was analyzed from classical works that study the science of religion or *religionswissenschaft* and its methodology that brought forth its fundamental approach and principles. The study is based on a qualitative framework using descriptive and analytical methods. It also surveys modern development in this field of study and its position in espousing interfaith dialogue and the mutual heritage of our common humanity that highlighted the spirit of La-Convivencia of such an inclusive and pluralistic force, especially in the Malay Basin. The finding shows the unprecedented influence and presence of the Abrahamic seeds in the world's religion, especially of the Semitic line of origin.

Kata kunci: pengalaman beragama, kepercayaan Ibrahim, *religionswissenschaft*, dialog ketamadunan, konvrensia

PENDAHULUAN

Makalah ini membawakan perbincangan yang ringkas terkait latar belakang kepercayaan agama-agama Samawi dan perkembangan sejarahnya yang klasik. Ia melihat metode perbandingan yang dikembangkan dalam pemikiran agama dan disiplin kajiannya yang ditinjau dari kerangka pemikiran semasa, yang menzahirkan

konteks dan keperluan terhadap penerokaan tentang tradisi dan pendekatan sejarahnya. Wacana tentang agama-agama Samawi yang utama ini telah mencetuskan idealisme dan kekuatan baru dalam tradisi intelektual di Barat yang memunculkan sains perbandingan agama dalam studi ketimuran (Orientalisme).

Tradisi intelektual di Barat telah berkembang sejak teretusnya renaissans yang meningkatkan kesedaran agama yang universal. Ini diupayakan dengan penemuan universiti-universiti terkemuka seperti Budapest, Leiden dan Leipzig, yang merintis kajian teologi dan menggerakkan seminari agama yang meluas yang telah memungkinkan pengembangan wacana perbandingan yang segar tentang fenomena agama.

Pengembangannya diperlihatkan dengan jelas dalam sejarah Eropah yang menimbulkan kajian intelektual yang bermakna tentang aliran-aliran tradisional dan sufistik yang dipelopori oleh para ilmuwan dan Orientalis terkemuka di Barat. Kemuncaknya dizahirkan dengan penghasilan yang menakjubkan yang seumpamanya dalam sejarah moden termasuk penemuan dan kesimpulan-kesimpulan ilmiah yang dirumuskan oleh para filsuf dan intelektual besar di abad ke-20.

Di dunia Islam, kajian perbandingan ini dirintis dalam pelbagai bentuk dan genre penulisan: (i) dialog dan debat (ii) trefis (iii) travelog/catatan pelayaran (Kamaruzaman, 2003: 26). Ini dilakar dalam karya-karya sejarah yang penting seperti *Al-Milal wa'l Nihal* oleh 'Abd al-Karim al-Shahrastani (w. 1153), *Maqalat al-Islamiyyin wa Ikhtilaf al-Musallin* oleh Abu'l-Hasan al-Asha'ri (w. 330 H), yang merupakan antara karya heresiografi terawal tentang mazhab-mazhab Islam, *Al-Fihris [Book of the Catalogue]* oleh Ibn al-Nadim, Abu al-Faraj Muhammad ibn Ishaq (w. 990) yaitu sorotan survei dan perakaman tentang karya-karya persuratan Islam (Agus Rifai, 2006: 72), *Al-Fasl fi al-Milal wa'l Ahwa' wa'l Nihal* oleh Ibn Hazm, *al-Athar al-Baqiyah (Chronology of Ancient Nations)* oleh Abu al-Rayhan al-Biruni (w. 1048), *al-Maqalat fi Usul al-Diyarat* oleh Al-Mas'udi, *al-Farq Bayn al-Firaq* oleh al-Baghdadi, *al-Radd al-Jamil li Ilahiyat 'Isa (as) bi Sarih al-Injil* oleh Abu Hamid al-Ghazali, yang disifatkan oleh George Makdisi sebagai "the greatest Asharites of all" (Aijaz, 2018), *I'tiqadat Firaq al-Muslimin* oleh Fakhr al-din al-Razi, *Al-Jawab al-Sahih li-man Baddala din al-Masih (as)* oleh Ibn Taimiyah dan *Hidayah al-Hayara fi Ajwibah al-Yahud wa'l Nasara* oleh Ibn Qayyim al-Jawziyah.

Pada abad ke-19, pendakwah Kristian C.G. Pfander telah menulis buku *Mizan al-Haq* yang menjawab pertikaian antara Islam dan Kristian dengan hujah falsafah dan sejarah dan argumennya telah dipatahkan oleh Maulana Rahmatullah Kayranwi al-Hindi dengan karyanya *Izhar al-Haq*. Kedudukan agama terus ditekan dengan anasir propagandis dan aktiviti misionaris yang didukung oleh agen-agen penjajah, dan serangan ini telah dipatahkan oleh pemuka Islam yang berwibawa seperti Ismail Raji al-Faruqi (*Christian Ethics, Trialogue of Abrahamic Faith*), Sir Sayyid Ahmad Khan (tafsiran Bible *Tabyin al-Kalam fi tafsir al-Tawrat wa'l-Injil 'ala Millat al-Islam*, diterbitkan pada 1862) (Guenther, 2010), Rashid Rida (terjemahan Arab *Gospel of Barnabas* dan karyanya *Shubuhah al-Nasara wa Hujaj al-Islam [The Criticisms of the Christians and the Proofs of Islam]* (Wood, 2010), Buya Hamka (*Cara Zending dan Misi Menyerang Akidah Kita*) dan M. Natsir (*Islam dan Kristen di Indonesia*) yang membantah polemik missi dengan ketinggian hujah dan iltizam membela pendirian Masyumi dan Majlis Ulama.

Sejarawan Barat yang terkenal, Franz Rosenthal telah menzahirkan perspektifnya yang kritis tentang ketangkasan ulama Islam membangunkan pengetahuan perbandingan agama yang khas dalam pengantarnya kepada buku *Shahrastani on the Indian Religions* karya Bruce Lawrence: "Pengajian ilmu perbandingan agama telah selayaknya diklaim sebagai salah satu sumbangan terpenting tamadun Islam terhadap kemajuan intelektual manusia" (1976: 5).

Menulis tentang metode Al-Biruni (973-1048) dalam penelitiannya tentang konsep dan falsafah yang fundamental dalam kepercayaan Hindu, Jeffery (1951: 128) menukikan: "Beliau akan membentangkan kepada pembaca teori agama Hindu yang sebenar sebagaimana ianya, dan di mana terdapat persamaan dari sudut teori dengan amalan pengikut Yunan, atau dalam ajaran sekte Kristen, atau kaum sufi, seperti dalam teori perpindahan ruh, atau doktrin panthestik tentang kesatuan Tuhan dengan makhluknya, beliau akan turut melaporkan teori mereka dengan tepat sebagai perbandingan."

Dalam tesisnya tentang pendiri ilmu dan kaedah perbandingan, Kamar O. K. (2003) menyimpulkan bahawa prinsip dasarnya telah digariskan oleh al-Biruni sebagai "bapa perbandingan agama". Latief (2006: 29) menulis dalam artikelnya tentang pertumbuhan kajian agama di dunia Islam: "Sejak dari abad ke 8 hingga 10, sebagai

misal, sejarawan, ahli geografi dan pengembara Islam mengarahkan fokus kepada tujuh peradaban tua yang hebat, Parsi, Chaldian, Yunani, Mesir, Turki, India dan Cina". Ibn Hazm (1999) dalam kitab perbandingannya *al-Fasl* turut melontarkan pandangannya tentang pertentangan antara agama-agama monoteistik: "Menjadi Muslim bermakna menzahirkan perbezaan dari praktik Yahudi dan Kristian dalam pemikiran, perkataan dan amalan".

Dalam kitabnya *al-Hind* al-Biruni (1964) turut menggariskan manhajnya dalam menyusun riwayat sejarah: "Kitab ini bukanlah suatu polemik..., kitab saya tidak lain hanya merupakan catatan ringkas dari kenyataan sejarah". Perbincangan yang meluas tentang perbandingan agama turut diketengahkan oleh al-Shahrastani (1986:51) dalam heresiografi sejarahnya *al-Milal wal Nihal*: "Saya telah menetapkan ke atas diri saya untuk memikul peranan menyampaikan pandangan setiap sekterian sepertimana saya temui dalam karya mereka tanpa sebarang kemiringan dan prejudis."

Kitab-kitab ini dapat memberi kefahaman yang bermakna tentang iktikad dan kepercayaan Islam yang sebenar dan perbandingannya dengan kepercayaan-kepercayaan lain. Ia membawa idealisme yang universal dan inklusif tentang disiplin komparatif dari segi pewartannya yang kritis. Perbahasan ini perlu diperluaskan bagi mencari titik temu dan perbezaannya yang signifikan. Kekuatan fahaman agama dan kedalaman tradisinya ini penting untuk diwacanakan mengingat persoalan ini kian mendapat tempat dalam kajian semasa.

Terdapat beberapa tajuk yang berkaitan dengan topik kajian, antaranya yang diusahakan oleh Ismail R. al-Faruqi (1989), Leonard Swidler (1993) Mahmoud Ayoub (1992), Toshihiko Izutsu (1995), R. Abuy Sodikin (2003), Haifaa Jawad (2005), Mohammad Hashim Kamali (2009), Suhaida Shaharud-din & Khadijah M. Khambali (2012), Muhammad Asad (2013), Muhammad Afif Bahaf (2015), Saepudin Mashuri (2016) dan lain-lainnya yang berkisar tentang takrif, praktik dan implikasi pemikiran agama dan teologi perbandingannya terhadap upaya harmonisasi antara umat beragama.

Muhammad Afif Bahaf (2015) menulis tentang disiplin perbandingan dalam studi agama-agama yang berhubung dengan pandangan sejarah dan doktrin asasnya yang merangkul aspek-aspek metafizik, intelektual dan pemikiran selain memuatkan tinjauan saintifik terhadap objek dan metodenya secara kritis dan konstruktif. Ia mengupas secara teoretis pemahaman agama, asal usul dan tipologinya, serta hubungan antara agama-agama non-semitik selain tipologi hubungannya yang bersifat eksklusif, inklusif dan pluralis. R. Abuy Sodikin (2003) menjelaskan tentang konsep dan ruang lingkup agama, dan ciri-ciri Islam sebagai agama yang terdiri daripada komponen akidah, syariah dan akhlak serta implikasinya pada kehidupan manusia. Suhaida Shaharud-din & Khadijah M. Khambali (2012) menghuraikan konsep dan doktrin kepercayaan Ibrahim, dalam konteks kajian agama dan falsafahnya serta hubungkaitnya dengan faham pluralisme agama. Saepudin Mashuri (2016) meninjau kesinambungan dan kesamaan agama-agama dan potensinya ke arah membangun sikap beragama yang inklusif dan multikultural.

METODE

Ruang lingkup kajian ini terkait dengan perspektif umum dalam kepercayaan Semitik yang melibatkan penelitian tentang metode dan tipologi, kitab-kitab suci, falsafah dan doktrin serta institusinya. Reka bentuk kajian ini berasaskan tinjauan kualitatif dari jenis tinjauan pustaka dan dokumen. Materi kajian didapatkan dari bahan primer dan sekunder yang dipercayai dan disorot secara penggambaran, analitis dan perbandingan untuk merumuskan penemuan dan dapatan akhir.

Hasil dan Pembahasan

Temuan

Ayat-ayat al-Qur'an telah mengungkapkan dengan jelas hal-hal dan persoalan tentang pola-pola asas pemikiran agama dan permasalahannya. Ini dibawakan dalam ayat-ayat al-Qur'an dan hadith yang antara lain menyebut: "Wahai manusia sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan telah menjadikan

kamu dari berbagai bangsa dan puak, supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya yang termulia di antara kamu di sisi Allah adalah yang paling bertaqwa. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Mendalam Pengetahuannya.” (Al-Hujurat 49:13), *Maka tanyalah kepada orang-orang yang membaca kitab sebelum kamu (Yunus 10:94), Bicarakanlah dari Bani Israil dan tiada halangan (riwayat Bukhari), Hikmah adalah barang terluput orang Mu'min dimana saja ditemuinya dia lebih berhak terhadapnya (athar).* Kalangan Sahabat juga pernah berdialog dengan pendeta Yahudi dan Kristian seperti 'Umar ibn al-Khattab, 'Amru ibn al-'As dan Hassan b. Thabit b. al-Mundhir b. al-Ansari (rad) (w. ca. 40/659).

Ibn Taimiyah (2011: 138), pembaharu Islam yang penting yang menunjangi aliran salafiyah, dalam kitabnya *Al-Jawab al-Sahih* menjelaskan pendekatan Islam yang inklusif terkait permasalahan agama: “Adalah penting untuk dijelaskan bahawa Allah (swt) telah menurunkan kitab al-Qur'an ini dan telah mengangkatnya sebagai wahyu yang tinggi dan terpercaya dan menjadi saksi terhadap kitab yang diturunkan sebelumnya – lantaran itu, al-Qur'an hanya menyatakan apa yang benar, menahirkan makna sebenar hal yang telah disalahtafsir dan diputarbelit, menggariskan suruhan yang telah diperintahkan Tuhan, dan menasakh apa telah dinasakhkan Tuhan dari kitab-kitab ini. Al-Qur'an, dengan itu, adalah terpercaya ke atas kitab-kitab suci yang lain, dan dikenal sebagai ‘ucapan terbaik’ dan ‘catatan sejarah yang terbaik’. Ini bermakna barangsiapa percaya kepada Taurat atau Injil sebelum ia ditempa dan dipinda adalah termasuk dalam lingkungan mukminin yang salih (Muslim).”

Buya Hamka (1908-1981), tatkala bersoal jawab di hadapan pemimpin Kristian turut melontarkan pendiriannya tentang keyakinan agama yang melekat dalam urusan politik seharian, yang mengesani karakter Muslim atau Kristen: “Payahlah memikirkan bahwa seorang yang memeluk suatu agama, sejak dia mengurus negara, agamanya itu musti disimpannya. Anggota DPR (Dewan Perwakilan Rakyat) kalau pergi ke sidang, agamanya tidak boleh dibawa-bawa, musti ditinggalkannya di rumah. Kalau dia menjadi menteri, selama Sidang Kabinet, agamanya musti diparkirnya bersama mobilnya di luar. Dan kalau dia menjadi Kepala Negara haruslah jangan memperlihatkan diri sebagai Muslim atau Kristen selama berhadapan dengan umum. Simpan saja agama itu dalam hati. Nanti sampai di rumah baru dipakai kembali. Saya percaya bahwa cara yang demikian hanya akan terjadi pada orang-orang yang memang tidak beragama. Sebab memang tidak ada pada mereka agama yang akan disimpan dirumah itu, atau diparkir di luar selama Sidang Kabinet” (Husaini, 2004).

Al-Qur'an juga menanggapi tesis pluralis dalam dua kumpulan ayat yang krusial yang sering disuguhkan untuk mendukung samada klaim pluralis atau eksklusif. Hal ini ditafsirkan dalam konteks kepercayaan dan keimanan terhadap ayat-ayatnya, seperti tersebut dalam firmanNya: - “Sesungguhnya mereka yang percaya, dan orang-orang Yahudi, dan orang-orang Kristian, dan Sabean – barangsiapa yang percaya pada Tuhan dan Hari Akhir dan mengerjakan amal yang salih akan meraih pahala mereka di sisi Tuhan mereka. Tiada ketakutan akan menimpa mereka, tidak pula mereka akan bergundah”. [al-Baqarah 2:62], dan “Sesungguhnya mereka yang percaya, dan orang-orang Yahudi, dan orang-orang Sabean, dan Kristian – barangsiapa yang percaya pada Tuhan dan Hari Akhir dan mengerjakan amal yang salih, tiada ketakutan akan menimpa mereka, tidak pula mereka akan bergundah”. [al-Ma'idah 5:69]

Maksud yang terang daripada ayat-ayat ini jarang dibenarkan untuk berdiri tanpa dicabar dalam tradisi *tafsir*, sebagaimana Mahmoud Ayoub (1984) telah catatkan dalam ringkasannya terhadap tradisi itu dalam penyorotannya pada 2:62: “Para pentafsir telah berbeza pandangan berkenaan maksud dari ayat ini dan sebab penurunannya. Ayat tersebut adalah salah satu daripada banyak pernyataan umum dalam al-Qur'an di mana kepercayaan diangkat mengatasi sebarang identiti agama atau etnik. Para pentafsir telah, bagaimanapun jua, berusaha untuk membataskan pemakaiannya yang universal dalam beberapa cara. Empat pendekatan yang utama dapat dibezakan. Pertama ialah untuk mengisytiharkan ayat itu dinasakhkan dan justeru tidak bisa diterapkan. Kedua adalah untuk membataskan pemakaian ayat dengan menentukan sebab dari penurunannya kepada kumpulan manusia yang spesifik. Pendekatan ketiga adalah untuk membataskan ayat itu kepada tafsiran legalistik yang ketat, dan keempat adalah untuk menerima keuniversalan daripada ayat sehingga kedatangan Islam, tetapi setelah itu untuk membataskan pemakaiannya hanya kepada mereka yang memegang kepercayaan Islam.”

Dalam ayat yang lain Allah berfirman tentang pengikut-pengikut kitab suci dan pewaris Ibrahim: “Wahai pengikut-pengikut wahyu yang terawal! Mengapa kamu berbantah tentang Ibrahim, mengingat bahawa Taurat dan Injil tidak diturunkan sehingga [lama] selepasnya? Tidakkah kamu akan, justeru, menggunakan fikiranmu? Nah! Kamulah yang akan berhujah tentang hal yang diketahui padamu; tetapi mengapa kamu berhujah tentang sesuatu yang tidak diketahui padamu? Namun Tuhan mengetahui [nya], sementara kamu tidak mengetahui: Ibrahim bukanlah seorang “Yahudi” atau seorang “Kristian”, tetapi adalah seorang yang berpaling dari semua yang batil, telah menyerahkan dirinya kepada Tuhan; dan dia tidak termasuk dari kalangan yang membangsakan ketuhanan kepada sesuatu selainNya. Perhatikanlah, kaum yang memiliki dakwaan yang terbaik kepada Ibrahim nescaya adalah mereka yang mengikutinya – sebagaimana Nabi (saw) ini dan semua yang percaya [kepadanya] – dan Tuhan adalah hampir kepada orang-orang beriman”. [Al-Imran 65:68]

Dalam tafsirannya pada ayat ini, Muhammad Asad (2003) menukulkan: “i.e., tentang apakah akidah sebenar Ibrahim. “Apa yang diketahui padamu” adalah ibarat kepada pengetahuan mereka tentang kenyataan yang jelas bahawa banyak daripada ajaran yang berasaskan versi Taurat dan Injil yang masih ada bertolak belakang dengan ajaran al-Qur’an (Razi).”

Dalam sejarah, ajaran-ajaran Ibrahim dipandang sebagai pangkal dari kepercayaan samawi atau agama fitrah dan pengikut dari saki baki peninggalan dan keyakinan tauhidnya ini dikenali sebagai golongan *hanif*. Asal-muasal kecenderungan ini diperlihatkan dalam praktik yang dikenal di kalangan sesetengah pengikutnya dalam tempoh *fatrah* (masa hampa dari perutusan), yang menjalani kehidupan yang suci, yang menolak kesyirikan dan penyembahan berhala, pembunuhan anak perempuan hidup-hidup, dan penyembelihan korban untuk patung dan sesembahan yang merajalela dalam kehidupan masyarakat Arab jahiliyah, yang dianggap menyimpang dari kehendak fitrah yang azali.

Menurut Muhammad Asad dalam karyanya *Sahih al-Bukhari The Early Years of Islam* (2013) yaitu komentarnya ke atas *Kitāb al-Jāmi‘ al-Sahīh* oleh Imām al-Bukhārī, dalam tinjauannya tentang hadith mengenai Nabi (saw) “mengasingkan diri untuk beruzlah dalam gua Hira, dan menumpukan dirinya kepada pengabdian yang ghairah - yakni, ibadah – ia menyimpulkan bahawa: “perkataan *tahannuf*, bukan berasal dari bahasa Arab, sebaliknya mungkin diambil dari bahasa Canaanite-Aramaic *hanpa* yang secara literal bermaksud “seseorang yang berpaling.” Dalam bahasa Syriac ia secara menonjol digunakan untuk menggambarkan seorang yang berpaling dari agamanya, seorang pemberontak; kerana itu Maharaja Romawi Julian yang Murtad yang meninggalkan agama Kristian dan bertukar kepada agama Romawi kuno dipanggil, dalam manuskrip Syria-Kristian, *Yulyāna hanpī*; istilah yang sama sering diterapkan kepada Manichaeans dan Sabaeans, kemungkinan disebabkan kenyataan bahawa agama mereka mengandungi unsur-unsur Kristian tanpa sepenuhnya menganut doktrin dari Gereja Kristian. Ketika orang-orang Arab, dalam zaman pra-Islam, menyesuaikan perkataan ini kepada bahasa mereka, mereka menggunakannya dalam pemahaman yang asli dari “berpaling”, yakni, dari penyembahan berhala, dan, kemudiannya, dari setiap jenis keduniaan. Dari situ *tahannuf* menunjukkan peribadatan yang ghairah (umumnya terdiri dari berjaga malam dan sembahyang) dari pencari-Tuhan yang bertauhid yang, kerana itu, dipanggil *hanaflī* (tunggal *hanflī*) – panggilan yang menjadi akrab kepada umat Islam disebabkan perkaitannya, dalam al-Qur’ān, dengan nama Ibrahim. Disana ia hampir sinonim dengan “Unitarian.”

Dalam garis sejarah, pengalaman agama-agama samawi ini berpangkal dari tradisi yang berkembang di tanah Arab dari pengaruh agama Ibrahim “*Father all of us*” (*Romans*, 4: 16) yang ajaran-ajarannya bersumber dari wahyu yang transendental yang menurunkan kitab suci dan menyebarkan faham dan nilai-nilai tauhid. Fahaman ini berkembang dan membentuk tiga agama yang tua yang timbul dari personaliti dan tradisi yang sama yaitu Nabi Ibrahim (as), sebagai bapa kepada keturunan Israel dan Arab (Cohen 2010), sebelum terpisah oleh perbezaan konsepsi dan penyimpangan dari visi pendirinya yang asal.

Pembenturan dan tantangan atas faham dan klaim kebenaran lama kelamaan timbul, yang berpuncak di Zaman Pertengahan dengan polemik yang tidak sedikit mencetuskan prasangka dan ketegangan dan pertarungan dogmatik yang menyalakan api perang yang berlarutan. Menurut Adian Husaini (2004) dalam bukunya tentang sejarah pertembungan Islam Yahudi dan Kristian, pertentangan antara tiga agama dan peradaban besar tersebut telah menarik konflik dan benturan yang dahsyat, yang ditimbulkan oleh sikap keekstriman dan intoleransi

terhadap umat yang lain yang berakibat dengan penafian dan penyingkirannya. Padahal kewujudannya berpangkal dari sumber dan konsepsi yang sama dari tradisi samawi yang mendasari ideal dari *millah* Ibrahim.

Kesan ini turut ditekankan oleh Muhammad Sa'id al-Ashmawi (1998: 56-57) tentang perspektif dan hakikat kesatuan yang berakar dalam faham Islam, Yahudi dan Kristian, yang tercermin dalam sikap beragama para pemeluknya, yang rata-ratanya masih berpijak pada landas yang sama dan beriltizam pada visi dan ajaran Ibrahim: "Sekiranya kita menganalisis perbezaan antara bentuk agama yang berbeza kita akan mendapati bahawa ia terutamanya adalah perbezaan verbal, tafsiran linguistik dan sikap falsafah. Manusia percaya pada perkataan dan berbeza pendapat mengenai perkataan, tanpa punyai definisi yang tepat tentang perkataan dan tanpa menjauhkan agama daripada perkataan"

Alhasil disiplin perbandingan ini banyak bergantung kepada teks al-Qur'an dalam mengartikulasikan pandangan tentang dunia. Pengalaman ini dipertahankan dalam metodologi dan prinsip meta-agama yang dinukil dalam karya-karya perbandingan yang menzhahirkan kekuatan dialektika dari penelitian sejarah dan falsafahnya yang utama yang membentuk pandangan hidupnya yang absah dan ideal berbanding pertikaian tetek bengek yang lampau.

Mutakhir ini, penghasilan karya-karya moden yang berbobot tentang ilmu perbandingan telah menyumbang kepada kebangkitan studi agama dan peninjauan sejarahnya yang kompleks. Ia telah berhasil menggembling kekuatan dan persefahaman mazhab-mazhab pemikiran dalam menanggapi isu-isu yang kontroversial seperti hukum sembahyang dalam gereja, larangan menuntut dari ahli kitab, pendirian ulama tentang ilmu perbandingan yang dianggap sesat, perbandingan antara al-Qur'an dan Bible, pandangan sarjana Barat tentang al-Qur'an dan sebagainya. Dengan manhaj dan analisis yang tepat. ia dapat dimanfaatkan sebagai wadah dan "senjata dakwah" dalam realiti perdebatan semasa terkait dengan dampak pluralisme dan liberalisme terhadap aliran pemikiran dan sejarah agama-agama samawi.

Kajian perbandingan telah dirintis oleh kritikus agama yang terkenal Joachim Wach (1898-1955) dalam karyanya *The Comparative Study of Religions* yang menampilkan analisis yang mendalam tentang sejarah pemikiran dan latar sosiologi agama (*religiuwissenschaft*), yang telah memberikan pemahaman yang lebih jelas tentang dakwah inklusivis dan pluralis yang rumit.

Dalam meneliti persoalan tentang sejarah dan tradisi intelektual dalam disiplin perbandingan ini, kita dapat merumuskan bahawa agama Islam, Kristian, dan Yahudi menjelmakan legasi "Abrahamic Faith". Persefahamannya terlihat dalam kesungguhan penganjurnya mencari titik temu yang diilhamkan dari nilai-nilai konvrensia dan keterbukaan kitab-kitab perbandingan yang silam.

Pada dasarnya, intisari dari ajaran-ajaran agama samawi berporos pada Tauhid, yang pada gilirannya membentuk landasan teologi dan prinsip metafiziknya. Dan Islam sepertimana agama Ibrahim yang lain yang menyerupainya, yakni Kristian dan Yahudi, menawarkan perspektif yang sama dari tradisi semitik ini tentang undang-undang ilahi, di mana sebagai satu cabang dari pohon Ibrahim yang tua ia sedang melalui cabaran yang cabang-cabang lain telah lalui.

Menurut pernyataan Sa'id Aqiel Siradj: "Agama yang membawa misi Tauhid adalah Yahudi, Nasrani (Kristen) dan Islam. Ketiga agama tersebut datang dari Tuhan melalui seorang rasul dan nabi pilihan. Agama Yahudi diturunkan melalui Musa, Nasrani diturunkan melalui 'Isa (Yesus), dan Islam melalui Muhammad (saas). Kedekatan ketiga agama samawi yang sampai saat ini masih dianut oleh umat manusia itu semakin tampak jika dilihat dari genealogi ketiga utusan (Musa, 'Isa, dan Muhammad (saas) yang bertemu pada Ibrahim (Abraham). Ketiga agama tersebut mengakui Ibrahim sebagai '*the founding father's*' bagi agama tauhid. Singkatnya, ketiga agama tersebut sama-sama memiliki komitmen untuk menegakkan kalimat Tauhid." (Noorsena, 2001: 165-169)

Hal tersebut menunjukkan keterkaitan antara ketiga agama besar ini dari segi sejarah dan tradisi kepercayaannya yang bersusurgalur dari keturunan Ibrahim dan disifatkan sebagai agama monoteisme. Kedudukan agama-agama Nabi Ibrahim (as) ini juga diungkapkan dan dikenal sebagai agama Semitik kerana persamaan bahasa dan pertuturan dan garis persejarahannya yang umum. Menurut Hodgson "Islam sebagai agama monoteistik yang secara historis dan teologis sangat dekat dengan Kristenitas. Kita bisa mengatakan

Islam, Kristenitas, Yudisme adalah varian dasar dari keimanan Ibrahimiah.” (Turner, 2012: 45) Kepercayaan ini menetapkan pandangan tauhid sebagai salah satu aspek dan intisari dari pemikirannya terkait dengan pemandangan metafizik dan nilai-nilai ketanzihan (Arkoun, 2005: 134)

Islam menetapkan pandangan metafizik yang jelas berasaskan prinsip dan pemandangan tauhid. Fahaman ini berpengaruh dalam kesedaran dan perspektif agamanya yang universal yang mengiktiraf kebenaran ajaran kitab suci Yahudi dan Kristian yang lahir dalam realiti sosio-kulturalnya yang khas di mana Islam mengakui kebenaran Ilahiyah (mutlak) yang disampaikan melalui agama-agama samawi sebelumnya, di mana “Islam sebagai agama semit terakhir hadir melalui kenabian Muhammad SAW sebagai mata rantai dari agama Yahudi dan Kristen yang mengemban misi yang lebih komprehensif dan universal (Mashuri, S., 2016: 16). Dalam hubungan ini, Seyyed Hossein Nasr, gergasi dan pemikir Islam asal Iran, telah melontarkan pandangan yang instruktif tentang peranan agama dan konteks kajiannya yang dirumuskan dari filsafat tradisionalnya yang merangkul dan inklusif tentang tiang-tiang tauhid: “adalah tidak mungkin (dengan tradisi moden kini) untuk mengeneppikan implikasi rohani (metafizik) dan akidah (teologi) dari pengaruh agama lain” (1966). Dalam artikelnya tentang pertemuan Islam dan agama-agama lain, beliau menegaskan: “Pandangan ini (penafian legitimasi agama yang bersifat plural) membuktikan dengan jelas keperluan yang signifikan untuk mempelajari agama lain bagi memelihara agama itu sendiri.”

Pendekatan Nasr pada studi agama dalam masyarakat kontemporer berbaloi untuk diteliti kerana dua sebab: Pertama, ia merangkul dan menerima semua agama yang diturunkan dan sifatnya yang sakral, pendekatan yang bertolak belakang dengan pendekatan-pendekatan semasa dalam studi agama. Beliau percaya bahawa pendekatan ini: “...punyai lebih banyak persamaan dengan intisari agama. Ia ingin memberi nilai yang mutlak kepada apa jua yang sakral. Kerananya, ia sanggup menciptakan suasana yang sakral di mana keunikan serta kepelbagaian semua tradisi dapat diakui”. Kedua, ia menanggapi dan menangani bagaimana Islam dan kaum Muslim dapat menampung realiti yang sedia ada tentang agama-agama lain, pendekatan yang dapat membawa, akhirnya, kepada masyarakat dunia religius yang aman. (Haifaa Jawad, 2005: 50).

Jalal al-din al-Rumi (1207-1273), ahli falsafah dan mistik Islam yang termasyhur dengan adikaryanya, *Mathnawi* dan *Fihri ma Fihri* turut menggambarkan perspektifnya yang menarik tentang kesatuan fikir dalam tradisi pemikiran yang universal: “Suatu hari saya berucap dalam satu pertemuan dengan sekelompok manusia, dan satu kumpulan audiens yang bukan Islam menyertainya. Saat saya memberikan pidato mereka mula menangis dan bergulat dengan emosi dan kemabukan. Seseorang bertanya: “Apa yang mereka faham dan yang mereka tahu? Hanya satu dalam seribu Muslim yang dapat memahami perkataan seperti ini. Apa yang mereka faham yang menyebabkan mereka menangis?” Sang guru menjawab: tidak semestinya mereka harus faham semangat yang tersemedi dari perkataan ini. Akar dari perkara ini adalah dari perkataan itu sendiri...apabila seseorang mendengar perkataan ini, yang merupakan deskripsi dan ingatan terhadap Tuhan, akan tercerna keghairahan perasaan yang universal.” (1961)

Sering dilupakan tentang betapa *luar biasanya* kitab suci al-Qur’an manakala ia mempersoalkan hal-hal pluralisme. Sebagaimana almarhum Isma‘il al-Faruqi (1989) menilik: “Dalam hal ini, Islam adalah unik. Kerana tiada agama di dunia yang pernah membuat kepercayaan pada kebenaran agama-agama lain syarat yang perlu terhadap keimanan dan kesaksiannya sendiri.”

Malah lebih tajam, Mahmoud Ayoub (1984) pernah mencatatkan: “Di antara semua kitab-kitab suci dari agama-agama teistik al-Qur’an adalah unik di mana ia menetapkan pandangan dunianya di dalam konteks Kesatuan ilahi dan kepelbagaian manusia, termasuk kemajmukan agama. Tambahan lagi, ia menganggap kepelbagaian agama sebagai salah satu daripada tanda-tanda (*ayat*) Tuhan, yang kedua terpenting dari “penciptaan langit dan bumi.” [30:22]

Toshihiko Izutsu (1995), ahli semantik al-Qur’an yang terkemuka, dengan cara yang sama mencatatkan: “Tetapi sejauh ini yang terpenting dari semua konsep-konsep yang terlingkung dalam kelas ini ialah konsep *islam* itu sendiri, tidak, tentunya, dalam pemahaman sejarah, objektif, kebudayaan agama yang dikenal sebagai Islam – Islam sebagai akibat dari proses ‘reifikasi’, untuk menggunakan istilah Dr. Wilfred Cantwell Smith – tetapi *islam* dalam pengertian yang asli dari penyerahan diri, pamasrahan diri yang nekat kepada Kehendak Ilahi, i.e.,

langkah yang menentukan yang diambil oleh masing-masing individu, sebagai masalah dalaman peribadi dan kewujudannya sendiri, ke arah menyerahkan jiwanya kepada Tuhan.”

Poin yang sama telah dibuat oleh Muhammad Asad (2003), penerjemah al-Qur'an yang terkemuka yang telah mempelajari nuansa-nuansa linguistik Arab secara langsung selama bertahun-tahun dengan kaum Arab Badwi: “Sepanjang karya ini, saya telah menerjemahkan istilah *muslim* dan *islam* mengikut konotasinya yang asal, yakni, “seorang yang menyerahkan [atau telah menyerahkan] dirinya kepada Tuhan” dan “penyerahan-diri manusia kepada Tuhan”...Harus diingat bahawa penggunaan “yang diinstitusikan” daripada istilah-istilah ini – yakni, pemakaiannya yang eksklusif kepada pengikut-pengikut Nabi Muhammad (saw) – mewakili perkembangan paska-al-Quran yang definit, dan, justeru, harus di jauhi dalam terjemahan al-Qur'an.”

Akhir sekali, Mohammad Hashim Kamali (2009) membawakan testimoni tambahan daripada al-Qur'an, dengan cara yang sama berhujah: “Justeru dua ayat tersebut: “Sesungguhnya agama di sisi Tuhan ialah Islam – *inna 'l-din 'ind Allah al-islam*” (3:19); dan “Barangsiapa yang mencari selain dari Islam sebagai agama, tidak akan diterima daripadanya – *wa man yabtaghi ghayr al-Islam dinan falan yuqbal minhu*” (3:85) – dipetik sebagai bukti yang tak terbantahkan bahawa hanya mereka yang mengikut Islam akan selamat. *Islam* adalah dalam satu pengertian nama yang eksklusif bagi agama yang diturunkan kepada Nabi Muhammad (saw). Tetapi *Islam* juga ialah agama primitif dari penyerahan yang disampaikan oleh Adam kepada semua keturunannya, yang menerima Allah sebagai Tuhan mereka, sebagaimana dalam seruan ilahi: *alastu bi rabbikum? Qalu bala shahidna* (Tidakkah Aku Tuhan kamu? Mereka menjawab: bahkan, kami menyaksikan – 7:172). Semua umat manusia, justeru, sebelum azali, mengakui Islam dalam pengertiannya yang paling luas dari *penyerahan*. Difahami dalam cara ini, dua ayat tersebut (3:19 dan 3:85) mengiktiraf keabsahan setiap agama yang melibatkan penyerahan kepada kehendak ilahi. Al-Qardawi juga menunjukkan bahawa malah jika tafsiran ortodoks terhadap dua ayat yang ditinjau itu diberi keutamaan, mereka masih tidak menafikan kebenaran dari agama yang lain. Mereka hanya melayakkan kaum Muslim, sepertimana juga pengikut-pengikut kepercayaan yang lain, untuk berpegang kepada agama mereka sendiri.”

Dengan suasana kebebasan yang lebih terbuka seusai perang yang telah memusnahkan perikemanusiaan atas nama agama, terdapat ruang yang lebih luas ke arah dialog dan pertukaran fikiran yang asli antara agama. Teologi politik eklesiastik ini memungkinan hubungan Kristian-Muslim dan Yahudi disimpulkan dalam konteks penglibatannya dalam lapangan awam yang rencam pada abad ke-21 yang menyajikan arena yang segar untuk diterokai (Richard Sudworth, 2017). Dialog termasuk salah satu mekanisme yang ampuh dalam memupuk persefahaman, toleransi dan semangat kerukunan antara penganut agama yang berbeza, yang lebih berhasil dalam suasana global pada abad ke-21, dengan menjadikan konsep monoteisme sebagai asas kesatuan antara agama-agama, dan menjamin keselamatan kepada yang beriman kepada Tuhan dan hari akhirat (Osman Bakar, 2010).

Dialog, sebagaimana terma ini digunakan hari ini untuk mencirikan pertembungan antara individu dan kumpulan dengan agama dan ideologi yang berbeza, adalah sesuatu yang agak baru. Akhir-akhir ini orang-orang yang meyakini secara ikhlas perlahan-lahan menginsafi bahawa mereka sendiri tidak sepenuhnya mengetahui rahsia kehidupan manusia, malah mereka punyai sesuatu yang sangat penting untuk dipelajari daripada satu sama lain. Yang pasti, pertembungan yang luar biasa dengan dua agama Ibrahimi yang lainlah, Yahudi dan Kristian, yang menjadi penggerak yang mendorong Islam ke arah dialog (Swidler, 1993)

Persetujuan dan pertukaran fikiran antara penganut agama yang berbeza adalah mungkin (Mulkhan, 2002: 44) sekiranya diketepikan perbezaan dan dicari titik persamaan sebagai satu sumber dan tujuan yang memberi harapan dalam meredakan konflik, di mana “Cara pandang terhadap agama dengan menempatkan agama sebagai sumber konflik, telah memunculkan berbagai upaya penafsiran kembali ajaran-ajaran agama, untuk tujuan perdamaian” (Husaini, 2004: 13) Reinterpretasi terhadap fungsi agama ini memungkinkan pengiktirafan terhadap hubungannya yang mendalam dengan kemanusiaan yang dibuktikan oleh fakta historis, di mana “dalam setiap peristiwa sejarah, kejadian penting di pentas dunia ini di mana harkat dan martabat manusia dipertahankan; maka agama tidak bisa dibungkam untuk turut berbicara” (Martin L. Sinaga ed., 2000: 194). Pembicaraan yang berhikmah dan terbuka ini berupaya meruntuhkan tembok pemisah antara agama, yang

digerakkan oleh perjuangan popular di kalangan pemikir bermazhab perenial, dalam menyerukan persamaan dan menjelmakan perannya dalam menyumbang kepada peradaban.

Menurut Toynbee (1934), agama dan spiritualiti memainkan peranan sebagai tunas atau kepompong yang bakal menumbuhkan satu peradaban. Kebangkitan ini dimulakan oleh kelompok minoriti yang kreatif – yang dengan kerohanian yang mendalam atau dorongan agama - berusaha menimbulkan satu peradaban baru dari puing-puing peradaban lama. (Adian Husaini, 2004: 15) Justeru, dalam kajiannya tentang peradaban, berbeza dengan teori yang dicanang oleh Huntington, Toynbee menekankan tentang peranan agama, yakni pada aspek “peran dinamis agama dan spiritualitas dalam kelahiran dan kehancuran satu peradaban”, kerana tamadun yang telah kehilangan inti kerohaniannya akan jatuh dan menurun (Mische, 2001: 6)

Teori-teori terkini dalam kajian tentang literatur agama yang diperkenalkan yang memberikan pencerahan mengenai kategori dan kaedah analisis dan pemecahannya tentang aspek-aspek eksoteris dan esoteris yang mencorakkan kosmologi dan pandangan dunianya telah menghasilkan penghargaan yang lebih mendalam terhadap kompleksitas teks-teks agama. Sekaligus dapat memaknai semangat dan pandangan ke arah reorientasi pemikiran dan pembaharuan yang integral dalam menggembling nilai-nilai agama yang inspiratif berlatarkan sumber-sumber samawi dan citranya yang ideal.

KESIMPULAN

Makalah ini telah membahas secara ringkas asal-usul fahaman dan kepercayaan *hanif* yang berkembang di tanah Arab, dan pertumbuhannya dalam tradisi dan praktik agama-agama tua yang mewarisi kitab dan wahyu samawi dan peninggalan-peninggalan berupa perjanjian-perjanjian Tuhan yang diwarisi turun-temurun kepada keturunan Ibrahim (as). Ia turut menggambarkan latar belakang ilmu perbandingan agama dalam bingkai kepercayaan agama-agama Semitik dengan meneliti aspek sejarah dan pembangunannya yang subur di dunia Timur dan Barat. Hasil dari penyorotan berhubung kepercayaan Samawi ini telah melahirkan kefahaman yang syumul dan universal tentang prinsip dan asal-usul yang mengikat tradisi kepercayaannya dan menimbulkan kesedaran tentang kepentingan dialog yang menuntut perbincangan ilmiah berasaskan disiplin, adab, dan etika yang mendalam bagi memaknai ajaran-ajaran akhlakiahnya. Ia berupaya mengembangkan kaki langit dalam merayakan kepelbagaian dan nilai jama‘i. Upaya ke arah peningkatan penghayatan Islam dan tradisi intelektualnya hendaklah dipertingkat. Penulisan yang lebih saksama juga dapat ditonjolkan dalam menzahirkan penghargaan dan mencari titik temu yang telah membentuk tradisi dan peradaban dunia dengan memperhatikan ciri-ciri kebudayaan dan falsafah yang dikongsi bersama dan menggarap hujah, idealisme dan kepercayaannya menerusi dialog yang konstruktif yang meraikan nilai-nilai plural dan inklusif.

Ucapan Terima Kasih

Pengarang merakamkan penghargaan kepada International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC-IIUM) kerana memudahkan akses kepada perujukan bahan di Perpustakaan Syed Muhammad Naquib al-Attas (SMNA Library), ISTAC.

Daftar Pustaka

- Aijaz, I. (2018). *Islam: A Contemporary Philosophical Investigation*. Routledge.
- Al-Bukhari, I. (2013). *Sahih Al-Bukhari: The Early Years of Islam*. The Other Press.
- Al-Faruqi, I. R. (1995). *Dialogue of the Abrahamic faiths* (No. 1). International Institute of Islamic Thought (IIIT).
- Al-Faruqi, I. R. (1998). *Islam and other faiths*. Iiit.
- Amir, A. N., & Rahman, T. A. (2024). Tinjauan singkat pengalaman beragama dalam agama-agama semitik: Brief exposition of religious experience in semitic religion. *RABBANICA Journal of Revealed Knowledge*, 5(2), 167-184.
- Arberry, A. J. (1961). *Discourses of Rûmî*,

- Arkoun, M., Ruslani, & Kamdani. (2001). *Islam Kontemporer: menuju Dialog antar agama*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Asad, M. (2003). The message of the Quran Bristol. *The Book Foundation*.
- Ashmawi, M. S. (1998). *Against Islamic extremism*. University Press of Florida.
- Ayoub, M. M. (1992). *Quran and its interpreters, The, Volume II: The House of 'Imrān*. State University of New York Press.
- Bahaf, M. A. (2015). *Ilmu perbandingan agama*. Penerbit A-Empat.
- Bakar, O. (2010). *Exclusive and inclusive Islam in the Qur'an: implications for Muslim-Jewish relations* (Doctoral dissertation, Doshisha University).
- Cohen, A. M. (2010). The monotheistic religions: Judaism, Christianity, Islam.
- Dirks, J. F. (2006). Abrahamic Faiths: Titik temu dan titik seteru antara Islam, Kristen, dan Yahudi, Terj. *Serambi Ilmu Semesta*.
- Guenther, A. M. (2011). Christian responses to Ahmad Khan's Commentary on the Bible. *Comparative Islamic Studies*, 6(1-2), 67-100.
- Husaini, A. (2004). *Tinjauan historis konflik yahudi kristen islam*. Gema Insani.
- Husaini, A. (2005). *Wajah peradaban Barat: dari hegemoni Kristen ke dominasi sekular-liberal*. Gema Insani.
- Ibn Hazm, 'A, i. A. (1999). *Al-fasl fi al-milal wa al-ahwa' wa al-nihal*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Ibn Taimiyah (2011). *Al-Jawab al-sahih li-man baddala Din al-Masih*. Majallat al-Bayan.
- Izutsu, T. (1995). *God and man in the Koran*. Ayer Company Publishers.
- Jawad, H. (2005). Seyyed Hossein Nasr and the study of religion in contemporary society. *American Journal of Islam and Society*, 22(2), 49-68.
- Jeffery, A. (1951). *Al-Bīrūnī's contribution to comparative religion*. Iran Society
- Kamali, M. H. (2009). Diversity and pluralism: A Qur'anic perspective. *ICR Journal*, 1(1).
- Latief, H. (2006). Comparative religion in medieval muslim literature. *American Journal of Islamic Social Sciences*, 23(4), 28.
- Lawrence, B. B. (1972). *Shahrestani on the Indian religions*. Yale University.
- Mahmood, S. (2006). Early Muslim scholarship in religionswissenschaft: The works and contributions of Abu Rayhan Muhammad Ibn Ahmad Al-Biruni.
- Mashuri, S. (2017). Kesenambungan dan kesamaan agama-agama menuju multikulturalisme beragama. *Kalam: Jurnal Agama dan Sosial Humaniora*, 5(2).
- Mische, P. M. (2001). Toward a civilization worthy of the human person. *Toward a global civilization?*, 1-40.
- Mulkhan, A. M. (2001). Ajaran dan jalan kematian Syekh Siti Jenar.
- Nasr, S. H. (1966). *Islam and the Encounter of Religions*. Islamic Cultural Centre.
- Noorsena, B. (2021). *Menuju dialog teologis Kristen-Islam*. Penerbit Andi.
- Rifai, A. (2006). Kontribusi Ibn al-Nadim dalam dunia kepustakawanan Islam kajian terhadap kitab al-Fihris. *Al Maktabah*, 8(2).
- Sachau, E. C. (Ed.) (1964). *Alberuni's India* (Kitab al-Hind). S. Chand.
- Schumann, O. H. (2000). Agama-agama memasuki milenium ketiga.
- Shaharud-Din, S., & Khambali, K. M. (2012). Analisis konsep Abrahamic faiths dan kaitannya dengan pluralisme agama. *International journal of islamic thought*, 2.
- Shahrestani, M. I. A. A. K., & Na'ini, M. R. J. (1910). *al-Milal wa-al-nihal*.
- Sodikin, R. A. (2003). Konsep agama dan islam. *Al Qalam*, 20(97), 1-20.
- Sudworth, R. (2017). *Encountering Islam: Christian-Muslim relations in the public square*. SCM Press.
- Swidler, L. (1992). Islam and the dialogue of Abrahamic religions. *CrossCurrents*, 444-452.

- Toynbee, A. J. (1987). *A study of history: volume I: abridgement of volumes I-VI* (Vol. 1). Oxford Paperbacks.
- Turner, B. S. (2012). *Relasi agama dan teori sosial kontemporer*. IRCiSoD.
- Wach, J. (1961). *The comparative study of religions*, ed. Joseph Mitsuo Kitagawa.
- Wood, S. A. (2010). "Researching" The Scripture of the Other": Niqula Ghabriyal's Researches of the Mujtahids and Rashid Rida's Rejoinder. *Comparative Islamic Studies*.
- Yousif, A. F. (2013). *Studies in world religions: An introduction to Abrahamic traditions*. International Islamic University Malaysia (IIUM).

